



TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR

MENTERI PENDIDIKAN TINGGI

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM KPT PRIHATIN
KOMUNITI SEJAHTERA (KRIS) HOSPITAL
AL-SULTAN ABDULLAH UiTM 2024**

2 Mac 2024 / Sabtu / 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Arena Kampung Sungai Pinang, Pulau Pangkor, Perak

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA**

- 1. YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose**
Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM

- 2. YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @
Sahibuddin**
Naib Canselor, Universiti Teknologi MARA

- 3. YBrs. Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman**
Rektor, UiTM Cawangan Selangor

- 4. YBrs. Profesor Dr. Sazzli Shahlan Kasim**
Pengarah, Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM

- 5. YBrs. Tuan Shamsul Ridzuan Idris**
Pegawai Daerah Manjung

Pihak Pengurusan UiTM, barisan petugas program, pihak media, seterusnya para penduduk Kampung Sungai Pinang, Pulau Pangkor, Perak yang dikasihi sekalian.

1. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis **Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM 2024**.
2. Sesungguhnya majlis pada hari ini merupakan wahana untuk saya menzahirkan iltizam terhadap keprihatinan UiTM dalam menjayakan salah satu daripada fokus utama KPT iaitu melalui inisiatif **Pelaksanaan Pendekatan Baharu Program Pemindahan dan Perkongsian Ilmu**.
3. KPT bukan hanya bertanggungjawab membangunkan bakat dalam kalangan warganya, bahkan juga mempunyai tanggungjawab besar untuk memberdayakan komuniti melalui program pemindahan dan perkongsian ilmu atau ***Knowledge Sharing and Transfer Programme (KSTP)***. Ini semua akan membawa nilai tambah penting kerana hasil penyelidikan dan keilmuan yang dijana di hospital pengajar universiti dipulangkan semula kepada masyarakat dalam bentuk yang memberi manfaat dan kebaikan supaya limpahan manfaat tidak hanya dirasakan oleh warga hospital pengajar universiti, malah turut dinikmati oleh komuniti selaras dengan konsep Malaysia MADANI.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. Saya amat berbangga dengan usaha Hospital Al-Sultan Abdullah (HASA) UiTM memilih Perak sebagai destinasi berkongsi ilmu dan kemahiran. Tahniah saya ucapkan kepada barisan petugas program di atas inisiatif dalam menjayakan Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) yang julung kali pada tahun ini diadakan di Pulau Pangkor.

5. Keprihatinan pihak penganjur menjadikan Tahun Melawat Perak 2024 sebagai inspirasi kepada penganjuran program KRIS di Pulau Pangkor, Perak yang mana pulau ini merupakan salah satu daripada destinasi **12 Icons of Perak** menerusi **Tourism Perak Malaysia**. Di samping itu, kerjasama yang baik antara agensi kerajaan dan negeri haruslah dicontohi dalam menggiatkan industri pelancongan negeri ini sambil dengan adanya aktiviti perkongsian ilmu pengetahuan bersama penduduk dan agensi kerajaan setempat.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

6. Ingatlah bahawa **“the brain of nation”** sebenarnya **berkumpul dalam kementerian ini**. Justeru, kecemerlangan dan keunggulan adalah suatu kemestian, kerana dari sinilah

penilaian dan pemantauan terhadap kesemua polisi dan dasar negara dilakukan.

7. Ayuh keluarga KPT, marilah bersama-sama dengan saya untuk kita **gemilangkan wibawa pendidikan tinggi negara dengan semangat kerja berpasukan dan prestasi kerja yang cemerlang**. Insya-Allah, lebih banyak kejayaan bakal kita capai selepas ini bagi memenuhi aspirasi rakyat dan keperluan negara.

Mendayung sampan mudik ke hulu,
Sampai ke tebing dayung disampan;
Warga berilmu tidak melulu,
Jadi bitara punya wawasan.

Bersama teman bermain guni,
Terkoyak guni kainnya kasa;
Pentingnya wawasan Malaysia MADANI,
Buat membangun generasi nusa.

8. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan rasa penuh sukacitanya, merasmikan **Program KPT Prihatin Komuniti Sejahtera (KRIS) Hospital Al-Sultan Abdullah UiTM 2024** ini.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah,

wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.